



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAWASAN PLAZA HENTIAN KAJANG, SELANGOR

Aktiviti yang dibenarkan

- Kedai Runcit / Kedai Serbaneka
- Membeli Makanan & Keperluan Asas
- Mendapatkan Rawatan Kesihatan

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Pergerakan tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan Keluar penduduk dari kawasan tempatan jangkitan
- Orang luar tidak dibenarkan memasuki kawasan tempatan jangkitan

Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- SOP-SOP lain yang berkaitan adalah tidak terpakai kepada kawasan tempatan jangkitan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	Kawasan Plaza Hentian Kajang, Selangor
Tempoh Berkuat kuasa	28 Oktober 2020 (12.01 pagi) hingga 10 November 2020 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, PBT & RELA. • Hanya ketua keluarga atau seorang dari sebuah rumah sahaja dibenarkan untuk keluar bagi tujuan pembelian barang makan / keperluan keluarga. • Kenderaan yang membawa barangan keperluan (<i>essentials</i>) dibenarkan keluar masuk dengan kebenaran PDRM terlebih dahulu. • Perkhidmatan bas ekspres tiada di dalam tempoh PKPB manakala stesen khidmat bas henti-henti akan dialihkan ke Hentian Lama Bandar Kajang. • Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian adalah dibenarkan tetapi perlu mengemukakan permohonan pergerakan kepada pihak PDRM. Wakil keluarga bolehlah menghubungi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Hulu Langat. • Sebarang sumbangan makanan / keperluan asas akan disalurkan kepada PKOB Daerah Hulu Langat.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAWASAN PLAZA HENTIAN KAJANG, SELANGOR

Aktiviti yang dibenarkan

- Kedai Runcit / Kedai Serbaneka
- Membeli Makanan & Keperluan Asas
- Mendapatkan Rawatan Kesihatan

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Pergerakan tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan Keluar penduduk dari kawasan tempatan jangkitan
- Orang luar tidak dibenarkan memasuki kawasan tempatan jangkitan

Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- SOP-SOP lain yang berkaitan adalah tidak terpakai kepada kawasan tempatan jangkitan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk yang bekerja tidak dibenarkan untuk keluar dari kawasan dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPD. Majikan dipohon untuk mengambil maklum akan perintah ini dan membenarkan bekerja dari rumah (<i>work from home</i>). • Pejabat Jabatan/Agensi Kerajaan dan Swasta yang berada di kawasan ini hendaklah ditutup sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD. • Kedai pembekalan barangan asas (CS Grocer dan 99 Speedmart) dibenarkan beroperasi dari 8.00 pagi hingga 2.00 petang.
Premis Sosial dan Pendidikan	Masjid, rumah ibadat, IPT, sekolah, tadika, taska, pusat jagaan kanak – kanak, taman awam, pusat rekreasi, <i>indoor & outdoor playground</i> adalah ditutup.
Aktiviti Sukan, Rekreasi, Sosial dan Budaya	Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial dan budaya adalah tidak dibenarkan.